

**KOSTUM DALAM TEATER TRADISIONAL BORIA
DI PULAU PINANG AWAL ABAD KE-21
EARLY 21ST CENTURY PENANG TRADITIONAL
BORIA THEATRE COSTUMES**

**Noor Rafizal bin Paharul Rozi¹
Azrul Azizi Amirrul²**

*Pusat Pengajian Seni Universiti Sains Malaysia
rizalrafizal94@gmail.com¹; azrulazizi@usm.my²*

*Tarikh dihantar: 17 Disember 2021 / Tarikh diterima: 10 April 2022 / Tarikh terbit: 30 Jun 2022
<https://doi.org/10.51200/ga.vi.3347>*

ABSTRAK

Penulisan artikel ini bertujuan mengkaji kostum dalam teater tradisional boria di Pulau Pinang. Kostum merupakan salah satu daripada lima elemen yang terdapat dalam persembahan boria. Komponen boria terdiri daripada pelakon sketsa, sailor tukang karang, dan pemuzik yang menggunakan elemen kostum. Perubahan zaman menyebabkan boria telah menempuhi tempoh cabaran yang menguji kekukuhannya terutama kostumnya. Selain itu, pengubahsuaian kostum boria telah berlaku mengikut keinginan berdasarkan budaya komuniti tempatan. Terdapat dua objektif kajian, iaitu untuk mengenal pasti kefahaman dan fungsi elemen kostum dalam setiap komponen boria. Seterusnya, mengemukakan pembahagian kostum boria setiap komponennya pada awal abad ke-21 dalam persembahan boria moden. Pendekatan kualitatif telah diguna pakai dalam kajian ini yang melibatkan kaedah temu bual dan pemerhatian. Hasil dapatan pengkaji mendapati perubahan telah terwujud dalam kostum boria kini adalah kostum tukang karang dan kostum sailor kerana masyarakat lebih mudah tertarik berbanding dengan kostum pelakon-pelakon. Bukan itu sahaja, peranan pemuzik yang telah disingkirkan menyebabkan kostumnya tidak lagi dihasilkan. Oleh itu, pemeliharaan dan pemuliharaan kostum boria adalah satu langkah yang harus dilakukan oleh pelbagai pihak agar tidak disalahgunakan untuk tujuan komersial semata-mata.

Kata kunci: Boria, kostum boria, pembahagian kostum, pemakaian, rekaan.

ABSTRACT


This article will study at the early 21st century Penang traditional boria theatre costumes. The costume is one of the five elements found in boria performance. The component of boria especially sketch actors, tukang karang, sailors, and musicians will use this element. Time development had caused boria to undergo a series of evolution, especially the costumes. In addition, the boria costume had been customised according to the local community's taste and culture. This study aims to identify the apprehension and function of the costume elements in each component of the boria. Next, this study also would like to illustrate the division of boria costumes for each of its components in the early 21st century within the modern boria performances. This study has used a qualitative method involving interviews and observations. The objectives of this study have been answered successfully based on the data collected and the analysis. Significant changes in the current boria costumes involving the tukang karang and the sailor's costume had also been found through this study. The findings had found that audiences were more easily attracted to them than the actors' costumes. Not only that, but this study also found that the removal of the musicians' role had caused their costumes to cease production. Therefore, the preservation and conservation of boria costumes is a step that should be done by various parties so as not to be misused for purely commercial purposes.

Keywords: *Boria, boria costume, costume division, usage, design.*

PENGENALAN

Boria adalah sebuah teater tradisional yang muncul dan terkenal bermula pada awal abad ke-19 di negeri Pulau Pinang yang terletak di bahagian utara Malaysia. Berdasarkan penulisan oleh Ghouse Nasuruddin (2000), persembahan tradisional boria pada peringkat awalnya sering berkaitan peristiwa pembunuhan kejam dalam peristiwa Karbala yang melibatkan cucu Nabi Muhammad SAW (Saidina Hussein r.a). Bagaimanapun, disebabkan perubahan zaman dan sekatan terhadap penyebaran pemahaman Syiah yang merasai dan meratapi suasana peristiwa Karbala, maka boria mengambil pendekatan baharu seperti elemen kostum yang digunakan dalam persembahannya.

Terdapat elemen-elemen dalam persembahan boria yang melibatkan gabungan sketsa, nyanyian, tarian, muzik dan kostum. Seterusnya, terdiri pula komponen di dalam lima elemen tersebut iaitu pelakon dalam sketsa, tukang karang, *sailor*, dan pemuzik dengan menggunakan kostum yang berbeza rekaannya. Rajah 1 menunjukkan pembahagian persembahan teater tradisional boria yang terdiri daripada empat elemen dan empat komponennya yang mempunyai perkaitan dengan elemen kostum.



Rajah 1 Pecahan berdasarkan elemen dan komponen dalam persembahan teater tradisional boria

Sumber: Olahan Pengkaji

Keperluan asas bagi sesebuah kehidupan manusia adalah pakaian bertujuan menutupi badan daripada situasi panas dan sejuk. Namun begitu, pakaian juga boleh merujuk kepada kostum untuk digunakan oleh sesiapa sahaja yang melibatkan diri dalam persembahan seperti drama dan teater (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005). Cikawati (2020) telah menyatakan bahawa kostum merupakan pakaian yang saling melengkapi bersama tambahan aksesori yang akan digunakan oleh sesiapa sahaja untuk melaksanakan sesebuah persembahan.

Begitu juga dengan setiap komponen dalam persembahan boria turut menggunakan elemen kostum. Menurut Mohd. Ghazali Abdullah (2014), mengatakan kesan kekaguman juga boleh terhasil daripada kostum yang dapat disesuaikan dengan watak dan perwatakan serta jalan cerita bagi sebuah persembahan. Secara tidak langsung, ia mampu mengelakkan penonton menjadi bosan semasa menonton persembahan yang dipentaskan. Seperkara lagi, kostum boria memainkan peranan penting untuk para pelakon dalam sketsa, tukang karang dan *sailor* serta pemuzik dalam persembahan boria bagi mengikut konteks dan konsep persembahan. Berdasarkan pendapat Widjningsih (1982), kostum yang baik hendaklah mengambil kira rekaan, keindahan dan kesederhanaannya termasuklah kesepadanan bahan yang digunakan.

Walau bagaimanapun, perubahan zaman menyebabkan boria telah menempuhi tempoh cabaran yang menguji kekukuhannya terutama dalam kostum. Berdasarkan (Ferdhaus, Masitah & Badaruddin, 2014), hal ini berlaku disebabkan pengubahsuaian boria berlaku mengikut keinginan berdasarkan peradaban dalam komuniti tempatan. Tidak dapat dinafikan bahawa perubahan yang telah dilakukan ini bertujuan untuk mengajak dan menarik lebih ramai masyarakat untuk menonton persembahan boria. Malah, pada awal abad ke-

21 berlakunya perubahan pada kostum boria yang bersifat terkini diguna pakai oleh tukang karang, *sailor*, pelakon dan pemuzik. Namun begitu, kefahaman dan fungsi asal kostum boria adalah penting sebelum mengaplikasi sifat terkini berlandaskan beberapa pembahagian pada kostum. Oleh sebab itu, dua objektif telah diwujudkan oleh pengkaji dalam kajian ini, yang pertama adalah mengenal pasti kefahaman dan fungsi elemen kostum dalam setiap komponen boria dan yang kedua adalah mengemukakan pembahagian kostum boria setiap komponennya pada awal abad ke-21 dalam persembahan boria moden.

TINJAUAN LITERATUR

Menurut Safian (1988), sebuah sketsa yang dipersembahkan merupakan sebuah karangan pendek yang dihasilkan secara senang dengan menyatukan terhadap watak, adegan dan peristiwa. Begitu juga dengan sketsa boria yang mempunyai tema, jalan cerita, watak dan perwatakan, masa yang ditetapkan serta kostum. Berdasarkan pernyataan Rahmah (1987), mendapati terdapat empat tema utama dengan sepuluh buah cerita telah dikenal pasti sehingga tahun 1987 seperti tema perkahwinan, sambutan perayaan, keagamaan, propaganda politik, isu sosial dan masyarakat setempat. Oleh hal demikian, kepelbagaian kostum yang beraneka ragam telah terwujud berdasarkan perbezaan dan kesesuaian tema-tema dalam penceritaannya dalam kumpulan boria kepada komponennya seperti pelakon sketsa, tukang karang, *sailor* dan pemuzik.

Berdasarkan penulisan oleh Muhammad Hj. Salleh (2014), tukang karang merupakan seorang ketua dalam persembahan dengan menyanyikan rangkap karangan atau lirik boria pada hujung suku kata yang sama di setiap baris. Menurut Rahmah (1987), penggunaan tongkat yang dipegang pada tangan kanan tukang karang menjadi kewajipan semasa sedang bernyanyi di kedudukan paling hadapan berbanding komponen boria yang lain seperti *sailor* dan pemuzik. Peranan tukang karang sebagai ketua dan kedudukannya paling hadapan menyebabkan rekaan kostumnya lebih istimewa dan berbeza daripada yang lain.

Ghouse Nasaruddin (2000), menyatakan bahawa antara unsur yang terpenting dalam persembahan boria adalah tarian yang ditarikan oleh sekumpulan *sailor* yang terdiri daripada campuran lelaki dan wanita atau sebaliknya. Selain itu, Syed Akir (2005), tarian boria mempunyai ciri-ciri pergerakan tarian yang pantas seperti rumba, zapin, inang dan lain-lain lagi. Malah, pergerakan dalam tarian yang ditarikan oleh *sailor* memerlukan kostum untuk digunakan dalam persembahan yang mereka lakukan. Sungguhpun demikian, campuran pelbagai


gerak tari yang disatukan menyebabkan terhasilnya rekaan kostum yang *fusion*. Sejak akhir abad ke-20, kostum *sailor* mula menambah baik dan berubah seperti sedondon, warna kontra, dan kreatif (Abdullah Darus, 2005).

Abu Talib (2012), menyatakan pada sekitar pertengahan abad ke-19 sehinggalah abad ke-20 persembahan boria merupakan salah satu teater yang popular dengan menggunakan alat-alat muzik seperti harmonika, baton marakas, serunai, tamborin dan biola. Berdasarkan penulisan pada tahun 2011 oleh Pravina, Mohd Azam, dan YM Raja Azuan telah menyatakan bahawa dalam persembahan boria penggunaan peralatan muzik tidaklah begitu khusus yang digunakan oleh pemuzik. Oleh itu, keupayaan kumpulan pemuzik adalah aspek yang terpenting untuk memainkan irama yang dapat mengiringi tarian *sailor* dan nyanyian tukang karang. Tambahan pula, pemuzik yang memainkan alat muzik dalam persembahan boria turut menggunakan kostum. Walau bagaimanapun, pada awal abad ke-21 penggunaan format digital seperti MP3 telah menyingkirkan peranan pemuzik secara langsung (Rafizal & Azrul Azizi, 2020). Hal ini secara tidak langsung akan menghapuskan penggunaan kostum pemuzik sedikit demi sedikit.

Memandangkan keadaan yang sedemikian, setiap kostum boria yang diguna pakai oleh *sailor*, tukang karang, pelakon sketsa dan pemuzik adalah berbeza-beza rekaannya. Berdasarkan penulisan dalam buku Dramaturgi oleh Haryamawan (1993), pandangan pertama yang akan dilihat oleh penonton semasa persembahan berlangsung adalah kostum. Oleh itu, Haryamawan telah membahagikan kostum kepada lima bahagian iaitu pemakaian dasar, pemakaian tubuh, pemakaian kepala, pemakaian kaki dan pemakaian aksesori. Hal ini juga turut disokong oleh Subagiyo dan Sulistyio (2013) iaitu pemilihan dan penggunaan kostum dalam sesuatu persembahan dapat dikategorikan kepada lima bahagian.

Pemakaian dasar atau asas berada di bahagian dalam yang akan berfungsi untuk memberi keselesaan dan kesan tertentu. Ia juga dapat membantu pakaian luar agar kelihatan lebih kemas setelah menggunakannya. Contoh pemakaian dasar adalah singlet, baju *inner*, *vest*, dan sebagainya asalkan ia digunakan untuk di bahagian dalam. Selain itu, yang kedua iaitu pemakaian kaki dapat memberi efek visual yang menarik, memberi cengkaman yang baik untuk pada lantai dan melindungi kaki daripada ancaman yang tidak diingini semasa persembahan sedang berlangsung. Sebagai contoh, sandal, sepatu dan sebagainya. Bukan itu sahaja, yang ketiga iaitu pemakaian tubuh yang berada di bahagian luar yang sering dilihat secara terus-menerus melalui deria penglihatan seseorang. Misalnya baju, seluar, dan skirt yang menutupi pemakaian dasar.

Pemakaian kepala adalah sesuatu benda yang menutupi atau diletakkan di atas kepala seperti tudung, topi, sanggul, mahkota, bunga dan sebagainya. Dengan erti kata yang lain, ia juga tergolong dan dipanggil sebagai aksesori. Akhir sekali, yang kelima iaitu pemakaian aksesori merupakan pelengkap gaya bagi kostum yang ditambah sesuatu benda seperti gelang tangan, subang, tali pinggang dan lain-lain lagi. Meskipun, aksesori boleh dipadankan pada keseluruhan badan tetapi kebiasaannya ia diguna pakai bermula dari paras paha sehingga kepala. Berdasarkan Rajah 2 di bawah, pengkaji telah mengolah semula dalam bentuk visual terhadap lima pembahagian kostum agar mudah untuk dilihat.



Rajah 2 Lima pembahagian kostum pada tubuh seseorang (Haryamawan, 1993; Subagiyo & Sulistyono, 2013)

Sumber: Olahan pengkaji

METODOLOGI

Pendekatan kualitatif diguna pakai dalam kajian ini kerana kesesuaiannya untuk mendapat maklumat yang terperinci bagi menjawab dua objektif yang telah ditetapkan. Oleh itu, temu bual dan pemerhatian merupakan dua kaedah untuk mengumpulkan data dalam artikel ini. Pengkaji menemui bual tiga orang tokoh boria yang juga merangkap ketua kumpulan boria iaitu Encik Omara (Kumpulan Boria Omara), Encik Jibril Khalil (Kumpulan Boria Kombinasi) dan Encik Syed Akir (Kumpulan Boria Wawasan). Selain daripada tiga kumpulan yang telah dinyatakan, pemerhatian turut dijalankan ke atas dua kumpulan lagi iaitu Boria Budayasari dan Boria Perpustakaan Awam Pulau Pinang yang telah diundang oleh pihak penganjur.

Objektif yang pertama tercapai melalui temu bual yang dibuat oleh pengkaji bersama informan untuk memberi kefahaman dan fungsi elemen kostum boria. Seterusnya, objektif yang kedua akan dapat dikemukakan berdasarkan lima pembahagian kostum yang disarankan oleh Haryamawan (1993); Subagiyo dan Sulisty (2013) untuk diaplikasikan pada kostum boria moden pada awal abad ke-21 sahaja. Bertitik tolak daripada itu, lima pembahagian kostum boria akan dibincangkan dan dibahagikan kepada setiap komponen boria iaitu pelakon 1, pelakon 2, pelakon 3, tukang karang, *sailor* dan pemuzik.

PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN

Pada peringkat awal abad ke-19, persembahan teater tradisional boria telah menggunakan kostum yang diperbuat daripada tikar dan kostum berbentuk seperti orang gila. Tujuan kostum ini diguna pakai bagi menggambarkan kesengsaraan hidup terhadap peristiwa di Karbala dalam upacara Ta'ziya. Berdasarkan Zamzuriah dan Yuszaidy (2020), upacara ritual sering dilakukan dalam persembahan boria pada awal kemunculannya. Selepas daripada itu, perkembangan kostum pada peringkat pertengahan abad ke-19 pula berpunca daripada perkahwinan lelaki dari India dengan wanita Melayu yang digelar sebagai Jawi Peranakan. Maka, perubahan penggunaan kostum telah terjadi dengan menggunakan unsur kostum Jawi Peranakan dan ada juga yang menggunakan kostum Arab dan kostum yang beraneka ragam. Ia dapat dilihat dalam persembahan boria dengan keadaan berpesta ria bertujuan untuk bersosial oleh seluruh komponen boria iaitu tukang karang, pelakon, dan *sailor* serta pemuzik.

Terdapat juga penggunaan kostum yang bercirikan seperti burung dan harimau bertujuan mengajak dan menarik perhatian dalam komuniti masyarakat untuk datang menonton persembahan boria yang mengandungi cerita-cerita berunsur masyarakat setempat. Kostum seperti peminta sedekah dalam acara kolli kally yang dipersembahkan oleh pelakon dan penyanyi masih digunakan untuk menarik perhatian masyarakat dan mempromosikan boria sambil menjana pendapatan supaya dapat membiayai keperluan asas semasa musim persembahannya.

Seterusnya, perubahan kostum pada peringkat akhir abad ke-19 tidaklah begitu ketara disebabkan kostum tersebut masih lagi kelihatan pada peringkat pertengahan. Namun, ia semakin kreatif dari segi rekaannya sahaja berpandukan jalan cerita yang dipersembahkan dalam boria. Walaupun begitu, pendapatan kumpulan-kumpulan boria semakin kukuh apabila bayaran yang diterima melalui hasil penajaan oleh golongan kaya berbangsa Melayu dan tauke-tauke Cina. Ia

dapat digunakan untuk kos pembiayaan menyediakan kostum yang lebih menarik dan bergaya sehingga memberi persaingan yang hebat antara kumpulan-kumpulan boria yang lain. Rentetan daripada itu, kesan terhadap masalah sosial dalam masyarakat adalah berpunca apabila kaum lelaki memakai kostum wanita. Keadaan tersebut berlaku kerana mahukan kelainan dalam persembahan boria untuk mendapat perhatian orang ramai. Perkara tersebut telah menjadi satu kesalahan undang-undang sehingga pihak berkuasa iaitu polis terpaksa mengambil tindakan.

Beralih kepada awal abad ke-20, pemakaian kostum Melayu mula diterapkan kepada semua komponen boria kerana persembahan boria mengalami proses pemelayuan. Hal ini disebabkan penglibatan dan sikap ketaasuban orang Melayu terhadap persembahan boria. Malah, kepelbagaian kostum daripada berbilang kaum dan bangsa lain masih lagi kelihatan kerana sifat bertoleransi dalam budaya masyarakat majmuk melalui penyertaan mereka dalam boria dijadikan amalan bersosial yang baik. Secara tidak langsung, penyertaan ini mempunyai kepentingan tertentu bagi sebuah kumpulan boria apabila penajaan oleh pihak yang berpengaruh dapat menampung keperluan untuk penambahbaikan kostum mereka.

Pada peringkat pertengahan dalam abad ke-20 apabila kemasukan Jepun ke Tanah Melayu telah mendatangkan kesan buruk dan baik terhadap perubahan pada pemakaian kostum dalam kumpulan boria. Perubahan tersebut berlaku apabila semua komponen dalam persembahan boria telah menggunakan kostum seperti pakaian buruh dan petani yang bertujuan bagi mencerminkan kehidupan masyarakat setempat pada ketika itu. Melalui sekatan dan arahan oleh pihak Jepun terhadap aktiviti-aktiviti kumpulan boria bagi melakukan persembahan telah mendatangkan kesan baik dan buruk terhadap kostum. Kesan yang baik adalah ia mendatangkan satu kelebihan kepada beberapa kumpulan yang ditaja sepenuhnya oleh pihak Jepun telah menjadikan keadaan kostum mereka yang pelbagai rekaan, berharga dan menarik. Malah, kumpulan tersebut juga akan melakukan persembahan boria pada acara rasmi pihak Jepun dan acara hari kebesaran negara Jepun. Setelah Tanah Melayu dijajah semula oleh British, boria telah kembali untuk dipersembahkan dalam majlis keramaian sehingga masyarakat tempatan menjadikan boria sebagai medium perantara untuk menuntut kemerdekaan. Bagaimanapun, semangat memperjuangkan kebebasan daripada penjajah adalah lebih diutamakan dalam konteks boria berbanding kostum.

Sebagai lanjutan daripada itu, kebanyakan komponen boria telah menggunakan pemakaian kostum beruniform contohnya pakaian seperti seragam tentera kerana tema dan penceritaan boria lebih tertumpu pada semangat patriotik

setelah mencapai kemerdekaan. Akan tetapi, ada juga memilih dan menggunakan kostum yang ringkas serba putih dan kostum yang bebas tetapi berlandaskan tema dan penceritaan yang memaparkan kemasyarakatan akibat daripada keadaan sosial masyarakat pada ketika itu. Bukan itu sahaja, ekonomi yang begitu baik dan kukuh telah memberi kelebihan kepada kumpulan-kumpulan boria apabila mereka menerima hadiah melalui pertandingan yang dianjurkan. Malah, mereka turut menerima banyak jemputan daripada pihak penganjur secara berbayar.

Bertitik tolak daripada itu, perubahan turut berlaku ke arah kemodenan sejajar dengan keadaan ekonomi yang begitu baik dan kukuh pada peringkat akhir abad ke-20 persembahan. Ia berlaku disebabkan kumpulan boria mula diundang untuk mempersembahkan boria di kaca televisyen melalui saluran RTM. Rentetan daripada itu, masyarakat semakin meminatinya dan telah membuka peluang kepada kumpulan boria untuk berkarya. Oleh hal yang demikian, minat masyarakat lebih tertumpu pada kostum *sailor* dan pemuzik yang berwarna-warni dan sedondon serta keistimewaan kostum tukang karang berbanding kostum pelakon sketsa. Akhirnya, perubahan yang baharu pada kostum menjadi ikutan kumpulan-kumpulan boria yang lain. Bagaimanapun, cita rasa yang berbeza bagi seseorang menyebabkan terdapat kumpulan boria yang mengambil pendekatan untuk komponen mereka dengan memakai kostum seperti kostum-kostum pada peringkat sebelumnya. Keadaan ini tentunya menyebabkan rekaan kostum bagi kumpulan-kumpulan boria akan berkait dengan penceritaan yang telah dipilih kerana terpaksa memenuhi kehendak penganjur.

Selanjutnya, kostum pada awal abad ke-21 terus mengekalkan ciri-ciri seperti kostum peringkat akhir abad ke-20 dan menambah sentuhan moden agar menarik minat masyarakat untuk melihat persembahan teater tradisional boria. Namun begitu, ia tidak berlaku pada kostum pelakon kerana mereka masih terikat dengan tema, penceritaan, watak dan perwatakannya. Di samping itu, kostum Jawi Peranakan sering kali diguna pakai oleh salah seorang pelakon lelaki dalam kalangan pelakon sketsa yang bertujuan untuk mengekalkan identiti boria. Bukan itu sahaja, seorang pelakon lelaki lagi akan memilih dan menggunakan kostum wanita. Kostum untuk pelakon yang selebihnya adalah bebas tetapi masih bergantung pada penceritaannya. Sebenarnya, kebanyakan pelakon sketsa boria bebas untuk membuat pemilihan dan penggunaan kostumnya yang masih bergantung pada tema, penceritaan, watak dan perwatakannya serta sopan. Daripada realiti ini jelas menunjukkan bahawa semua kostum pelakon sketsa memberi gambaran kepada sesebuah masyarakat tidak kira pada generasi lama ataupun baharu.

Berbeza pula dengan kostum tukang karang dan *sailor* yang terus-menerus melakukan penambahbaikan dan pembaharuannya mengikut kreativiti sesebuah kumpulan boria. Berdasarkan pernyataan oleh Omara (2020), penonton lebih suka melihat dan lebih tertumpu pada kostum tukang karang dan *sailor* berbanding yang kostum para pelakon. Ia menyebabkan kostum kepada tukang karang dan *sailor* selalu diberi keutamaan dan perhatian oleh mana-mana kumpulan boria. Seperti yang telah dinyatakan pada peringkat akhir abad ke-20, kostum tukang karang lebih istimewa dan berbeza rekaanya berbanding kostum *sailor*. Bagaimanapun, warna pada kedua-dua kostum tukang karang dan *sailor* adalah sama iaitu gabungan beberapa warna sehingga menghasilkan kesan kontra. Dalam pada itu, fabrik berlabuci yang berkilauan pada kostum juga memberi impak yang lebih glamor. Lebih-lebih lagi, aksesori dijadikan pelengkap gaya bagi kostum ini agar lebih tambah menarik dan kemas mengikut cara kreativiti masing-masing seperti bengkung, beropol-ropol dan lain-lain lagi aksesori yang mengikut kemampuan. Hampir kesemua kumpulan boria di Pulau Pinang pada peringkat awal abad ke-21 telah menggunakan kostum untuk *sailornya* adalah sedondon dengan jumlah yang ramai.

Seperkara lagi, perubahan yang besar adalah apabila kumpulan boria pada awal abad ke-21 telah menyingkirkan peranan komponen pemuzik secara *live* menyebabkan kostum turut tidak dihasilkan lagi untuk persembahannya. Hal ini berlaku disebabkan peranan pemuzik dalam kumpulan boria kini digantikan dengan medium audio MP3 yang menghasilkan audio yang berkualiti. Secara tidak langsung, kemusykilan boleh berlaku terhadap sesiapa sahaja yang ingin mewujudkan peranan pemuzik dalam kumpulan boria terutama kumpulan baharu pada masa akan datang untuk memilih dan menggunakan kostum untuk pemuzik. Bagaimanapun, kostum yang sedondon adalah lebih menarik dan beridentitikan boria seperti tarbus atau bengkung jika iringan pemuzik dapat dimainkan secara *live* dalam persembahan boria (Jibrán, 2020). Menurut Jibrán lagi, kostum pemuzik yang bebas bukanlah menjadi satu kesalahan dan perlu mementingkan kesopanan dalam kostum.

Berdasarkan awal abad ke-19 sehingga awal abad ke-21, fungsi elemen kostum dalam setiap komponen boria dapat memberi kefahaman kepada pembaca. Jika diteliti pada peringkat awal abad ke-21 masih lagi terdapat pemakaian kostum beraneka ragam seperti peringkat sebelumnya yang diguna pakai oleh semua komponen dalam boria pada tahun 2009 secara beramai-ramai (Omara, 2020). Menurut Omara lagi, beliau masih menggunakan kostum beraneka ragam jika ada permintaan khas oleh pihak penganjur. Keadaan ini disebabkan permintaan yang kurang daripada pihak penganjur dan persembahan ini digelar sebagai boria

asli. Boria moden pula lebih banyak dipersembahkan oleh mana-mana kumpulan boria di Pulau Pinang atas permintaan masyarakat disebabkan kostum tukang karang dan *sailor* yang menarik perhatian mereka. Bagaimanapun, boria moden masih mengekalkan kostum pelakon-pelakon sketsa yang beraneka ragam. Oleh itu, bolehlah dikatakan kebanyakan masyarakat lebih memilih untuk melihat persembahan boria moden berbanding boria asli. Tambahan pula, terdapat masyarakat menggelarkan perkataan ‘boria’ apabila sekeluarga atau sekumpulan orang memakai pakaian yang sedondon. Hal ini memang sejajar dengan kostum *sailor* dalam boria yang sedondon.

Walaupun bagaimanapun, suatu perkara yang tidak boleh dikesampingkan adalah tema dan penceritaan boria. Sememangnya pelakon sketsa, tukang karang, *sailor* dan pemuzik dalam boria asli serta pelakon sketsa boria moden akan menggunakan kostumnya berpandukan tema dan jalan cerita. Walaupun kostum tukang karang, *sailor* dan pemuzik tidak berpandukan tema dan jalan cerita dalam boria moden pada awal abad ke-21, tetapi ia tidak menjadi satu kesalahan. Malahan, percampuran pengaruh lama (kostum pelakon sketsa) dan pembaharuan (tukang karang, *sailor* dan pemuzik) yang membuatkan ia unik untuk dijelaskan dengan lebih terperinci pembahagian dalam kostum boria moden pada awal abad ke-21. Seperti yang telah dijelaskan dalam lima bahagian pada kostum yang disarankan oleh Haryamawan (1993), Subagiyo dan Sulistyio (2013), pengkaji dapat mengaplikasikannya untuk kajian ini terhadap kostum boria moden pada awal abad ke-21 sahaja.




Foto 1 Rekaan Kostum Komponen Pelakon 1

Sumber: Olahan pengkaji

Komponen boria	Bergantung pada	Panggilan kostum	Pembahagian kostum
Pelakon 1 (Foto 1)	Tema, Jalan cerita, Watak dan Perwatakan	Kostum Jawi Peranakan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemakaian Kepala: -tarbus 2. Pemakaian Aksesori: -kain pelikat -tali pinggang ihram 3. Pemakaian Dasar: -baju pagoda atau t-shirt berwarna putih atau cerah 4. Pemakaian Tubuh: -baju kot hitam atau kelabu -seluar <i>slack</i> hitam atau kelabu 5. Pemakaian Kaki: -sepatu hitam atau capal
Catatan Hanya dapat diguna pakai oleh kaum lelaki sahaja.			

Sumber: Dapatan pengkaji

Berdasarkan Jadual 1 yang telah dipamerkan, kostum Jawi Peranakan hanya diguna pakai oleh kaum lelaki sahaja. Selain daripada itu, perincian yang terdapat dalam lima pembahagian kostum ini dijadikan identiti atau simbolik pada persembahan teater tradisional boria. Bahagian pemakaian kepala yang sering digunakan adalah tarbus yang berwarna merah sebagai pelengkap untuk kostum Jawi Peranakan ini. Tambahan pula, pemakaian aksesori seperti kain pelikat dan tali pinggang ihram berwarna hijau menjadi pelengkap pada kostum ini. Baju pagoda atau t-shirt yang berwarna putih atau cerah pula diguna pakai pada bahagian pemakaian dasar. Pemakaian tubuh yang menjadi kemestian untuk pelakon 1 ini adalah baju kot yang berwarna hitam atau kelabu. Begitu juga dengan seluar *slack* berwarna hitam atau kelabu juga digunakan pada bahagian pemakaian tubuh. Seterusnya, bahagian pemakaian kaki adalah capal atau sepatu hitam.




Foto 2 Rekaan kostum komponen pelakon 2
 Sumber: Olahan Pengkaji

Jadual 2 Perincian dalam Pembahagian Kostum Pelakon 2

Komponen boria	Bergantung pada	Panggilan kostum	Pembahagian kostum
Pelakon 2 (Foto 2)	Tema, Jalan cerita, Watak dan Perwatakan	Kostum Wanita	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemakaian Kepala: -selendang atau tudung 2. Pemakaian Aksesori: -tiada 3. Pemakaian Dasar: -tiada 4. Pemakaian Tubuh: -baju kurung -seluar panjang 5. Pemakaian Kaki: -berkasut
Catatan Kesesuaian kostum ini dapat diguna pakai oleh kaum lelaki dan wanita.			

Sumber: Dapatan pengkaji

Jadual 2 di atas menunjukkan kostum wanita masih diguna pakai oleh kaum lelaki dan ia bergantung kepada tema, jalan cerita, watak dan perwatakan. Hal ini tentu sekali membuatkan keseluruhan watak dan perwatakannya menjadi seorang wanita dalam sketsa yang dipersembahkannya. Bahagian pemakaian kepala seperti selendang adalah sering diguna pakai oleh pelakon 2, manakala bahagian pemakaian aksesori dan pemakaian dasar tidak digunakan. Namun begitu, ia boleh ditambah bergantung pada kesesuaian watak untuk melengkapkan kostum pelakon 2. Selain itu, konsep minimalisme diterapkan pada bahagian pemakaian dasar kostum seperti baju kurung yang dipadankan dengan seluar panjang. Seterusnya,

bahagian pemakaian kaki adalah penggunaan kasut yang bersesuaian. Dalam konteks ini, jika terdapat kaum wanita yang menjadi pelakon 2 sememangnya mudah untuk memakai kostum wanita ini dengan berperwatakan aslinya kerana kumpulan boria kini terdiri daripada kaum wanita semenjak lewat abad ke-20.




Foto 3 Rekaan kostum komponen pelakon 3

Sumber: Olahan pengkaji

Jadual 3 Perincian dalam Pembahagian Kostum Pelakon 3

Komponen boria	Bergantung pada	Panggilan kostum	Pembahagian kostum
Pelakon 3 (Foto 3)	Tema, Jalan cerita, Watak dan Perwatakan	Kostum Harian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemakaian Kepala: -tiada 2. Pemakaian Aksesori: -tiada 3. Pemakaian Dasar: -tiada 4. Pemakaian Tubuh: -baju t-shirt -seluar panjang 5. Pemakaian Kaki: -berkasut
Catatan Kostum yang ringkas atau bebas pada pelakon 3 boleh diguna pakai oleh lelaki dan wanita			

Sumber: Dapatan pengkaji

Kostum pelakon 3 seperti dalam jadual di atas adalah sederhana berbanding pelakon 1 dan 2. Berdasarkan rekaan kostum pelakon 3 ini merupakan pakaian seperti harian bagi kaum lelaki dengan berseluar panjang dan t-shirt yang berkolar pada bahagian pemakaian tubuh. Bagaimanapun, bahagian pemakaian kepala, aksesori dan dasar tidak digunakan pada kostum ini. Sehubungan dengan itu, keselesaan dan kekemasan diutamakan termasuklah berkasut pada bahagian

pemakaian kaki semasa persembahan berlangsung. Konsep minimalisme jelas sekali terlihat walaupun tema, jalan cerita, watak dan perwatakan kekal sebagai rujukan utama untuk kostum pelakon 3. Ekoran daripada itu juga, terdapat banyak kumpulan-kumpulan boria telah mengambil pendekatan untuk menggunakan kostum pelakon 3 ini kepada pelakon-pelakon sketsa mereka. Hal ini berlaku disebabkan pemilihan dan penggunaan berdasarkan lima bahagian kostum adalah bebas, ringkas dan mudah untuk diguna pakai oleh pelakon 3.




Foto 4 Rekaan kostum komponen tukang karang
 Sumber: Olahan pengkaji

Jadual 4 Perincian dalam pembahagian kostum tukang karang

Komponen boria	Bergantung pada:	Panggilan kostum	Pembahagian kostum
Tukang Karang (Foto 4)	Keistimewaan, Kreativiti, Moden, Warna Kontra dan Sopan	Kostum Tukang Karang	<ol style="list-style-type: none"> Pemakaian Kepala: -tarbus atau topi -tambahan bunga dan tudung atau sanggul (wanita) Pemakaian Aksesori: -ropol tangan, leher atau kaki -bengkung -tongkat Pemakaian Dasar: -vest Pemakaian Tubuh: -baju berlengan panjang -seluar panjang Pemakaian Kaki: -sepatu hitam atau gelap
<p>Catatan Kostum ini sesuai untuk kaum lelaki dan wanita. Namun begitu, sesuatu benda pada mana-mana bahagian kostum untuk wanita boleh ditambah.</p>			

Sumber: Dapatan pengkaji

Berdasarkan Jadual 4 di atas menunjukkan kostum tukang karang yang bergantung pada keistimewaan dari segi rekaannya, kreatif, moden, penggunaan warna yang kontra dan sopan. Kelebihan yang ada pada kostum ini boleh digunakan untuk pelbagai tema dan jalan cerita. Tambahan pula, seorang tukang karang boleh terdiri daripada kaum lelaki atau wanita. Oleh itu, rekaan kostum yang sama telah digunakan untuk kaum lelaki mahupun wanita. Lazimnya, pemakaian kepala yang sering digunakan oleh mana-mana kumpulan boria adalah topi atau tarbus. Pemakaian tambahan seperti tudung, bunga atau sanggul dapat diguna pakai oleh tukang karang wanita di bahagian kepala. Selain itu, bahagian pemakaian aksesori seperti tongkat yang dipegang pada tangan kanan dan bengkung termasuklah ropol di tangan, leher atau kaki memberikan keistimewaan pada rekaan kostum tukang karang berbanding *sailor*. Seterusnya, pemakaian dasar yang digunakan adalah *vest* manakala pada bahagian pemakaian tubuh pula seperti baju berlengan panjang yang berkilau dan berseluar Panjang, manakala bahagian pemakaian kaki yang menjadi kemestian adalah memakai sepatu yang berwarna hitam atau gelap.




Foto 5 Rekaan kostum komponen *sailor*

Sumber: Olahan pengkaji

Jadual 5 Perincian dalam pembahagian kostum *sailor*

Komponen boria	Bergantung pada	Panggilan kostum	Pembahagian kostum
<i>Sailor</i> (Foto 5)	Kreativiti, Moden, Sedondon, Warna Kontra dan Sopan	Kostum <i>Sailor</i>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemakaian Kepala: -tarbus atau topi -tambahan bunga dan tudung atau sanggul (wanita) 2. Pemakaian Aksesori: -ropol tangan, leher atau kaki -bengkung -skirt lut sinar 3. Pemakaian Dasar: -vest 4. Pemakaian Tubuh: -baju berlengan panjang -seluar panjang 5. Pemakaian Kaki: -sepatu hitam atau gelap
<p>Catatan Kostum ini sesuai untuk kaum lelaki dan wanita. Namun begitu, sesuatu benda pada mana-mana bahagian kostum untuk wanita boleh ditambah.</p>			

Sumber: Dapatan pengkaji

Jadual 5 di atas menunjukkan kostum *sailor* bergantung pada kreativiti, moden, sedondon, sopan dan berwarna-warni yang memberi kesan kontra. Identiti seperti ini telah menarik perhatian dalam kalangan masyarakat. Malah, kelebihan yang ada pada kostum ini, ia dapat digunakan dalam pelbagai tema dan jalan cerita. Selain itu, rekaan kostum ini sesuai untuk diguna pakai oleh kaum lelaki dan wanita. Jika ditinjau pada pemakaian kepala yang digunakan oleh kumpulan-kumpulan boria di Pulau Pinang adalah topi atau tarbus. Pemakaian seperti tudung, bunga atau sanggul telah diguna pakai oleh *sailor* wanita sebagai tambahan di bahagian kepala. Selain itu, bahagian pemakaian aksesori seperti bengkung termasuklah ropol di tangan, leher atau kaki. Penambahan skirt yang lut sinar adalah bertujuan untuk menutupi bahagian punggung *sailor* wanita supaya tidak terdedah semasa sedang menari. Selanjutnya, pemakaian dasar yang digunakan adalah *vest* untuk kelihatan kemas, manakala pada bahagian pemakaian tubuh seperti seluar panjang dan baju berlengan panjang yang menggunakan fabrik berlabuci memberikan kesan berkilauan. Bahagian pemakaian kaki yang menjadi kemestian pada kostum *sailor* adalah bersepatu hitam atau gelap.




Foto 6 Rekaan kostum komponen pemuzik

Sumber: Olahan pengkaji

Jadual 6 Perincian dalam pembahagian kostum pemuzik

Komponen boria	Bergantung pada:	Panggilan kostum	Pembahagian kostum
Pelakon 3 (Foto 6)	Tema, Jalan cerita, Watak dan Perwatakan	Kostum Pemuzik	1. Pemakaian Kepala: -tarbus, topi atau sebagainya
	Atau		2. Pemakaian Aksesori: -vest -bengkung
	Sedondon dan Bebas Rekaannya		3. Pemakaian Dasar: -tiada
	Atau		4. Pemakaian Tubuh: -baju t-shirt berlengan pendek -seluar panjang
	Beridentitikan 'boria'		5. Pemakaian Kaki: -berkasut
Catatan Sesuai untuk diguna pakai oleh kaum lelaki			

Sumber: Dapatan pengkaji

Kostum pemuzik tidak lagi digunakan pada awal abad ke-21 disebabkan penyingkiran peranan pemuzik secara *live* dalam persembahan boria. Namun begitu, pengkaji turut mewujudkan semula dan memberi contoh seperti dalam Jadual 6 di atas berdasarkan temu bual yang dibuat bersama tiga orang tokoh boria. Menurut tokoh tersebut, kostum pemuzik dapat dihasilkan berdasarkan tema, jalan cerita, watak dan perwatakan ataupun sedondon dan bebas rekaannya ataupun beridentitikan 'boria'. Pada bahagian kepala boleh disesuaikan seperti tarbus, topi atau sebagainya mengikut kesesuaian tema boria. Selain itu, bahagian pemakaian aksesori pula, pemilihan dan penggunaan *vest* dan *bengkung* adalah bertujuan

untuk memastikan kostum pemuzik kelihatan kemas. Walau bagaimanapun, pemakaian dasar tidak digunakan dan hanya tertumpu pada pemakaian tubuh seperti baju t-shirt berlengan pendek dan seluar Panjang, manakala pemakaian kaki seperti kasut adalah sangat penting bagi para pemuzik untuk memakainya semasa persembahan boria berlangsung.

Berdasarkan pernyataan yang telah pun dibincangkan dan dihuraikan oleh pengkaji berdasarkan kelima-lima bahagian kostum boria bagi setiap komponen boria iaitu tukang karang, *sailor*, pemuzik dan pelakon 1, 2 dan 3. Kesemua ini menyumbang kepada persembahan teater tradisional boria yang berbeza kostumnya berbanding kostum-kostum teater tradisional di Malaysia. Hal ini dapat dibuktikan pada pembahagian aksesori kostum tukang karang seperti tongkat di tangan kanan yang membuat hanyunan sambil bernyanyi. Penggunaan bengkung juga menjadi kemestian untuk diguna pakai kepada tukang karang dan *sailor* mahupun pemuzik yang memiliki satu identiti pada boria. Begitu juga halnya dengan pemakaian kaki seperti capal, sepatu atau kasut adalah sangat penting bagi semua komponen boria semasa persembahannya sedang berlangsung.

Bertitik tolak daripada perbincangan di atas, tidak boleh dinafikan bahawa kostum tukang karang dan *sailor* lebih menyerlah dan masyarakat lebih mudah tertarik kerana lima perincian pembahagian kostum mereka lebih menyerlah berbanding kostum pelakon-pelakon. Berdasarkan pernyataan oleh Encik Syed Akil (2020), juga turut menyatakan keadaan kostum tukang dan *sailor* pada awal abad ke-21 ini menyebabkan masyarakat akan tahu bahawa itu adalah boria. Memandangkan keadaan yang demikian, kostum awal abad-21 ini juga masih terdapat kumpulan-kumpulan boria yang mengekalkan kostum Jawi Peranakan dan kostum wanita (yang diguna pakai oleh lelaki) untuk mana-mana pelakon dalam sketsa. Secara tidak langsung, ia telah mewujudkan satu langkah pemeliharaan dan pemuliharaan kostum boria.

KESIMPULAN

Kefahaman dan fungsi asal kostum boria adalah penting untuk generasi akan datang. Oleh itu, ia harus diketahui dan tidak dilupakan agar dapat dipelihara dan dipulihara bagi mengekalkan beberapa keunikan kostum setiap komponen dalam boria. Hal ini demikian kerana, perubahan kostum tidak boleh lari dan sentiasa berlaku mengikut abad daripada faktor seperti ekonomi, politik dan sosial masyarakat. Berdasarkan lima pembahagian dalam kostum iaitu pemakaian kepala, aksesori, dasar, tubuh dan kaki, dapat memudahkan pengkaji untuk memperincikan kostum boria moden awal abad ke-21 terhadap tukang karang,

sailor, pemuzik serta pelakon 1, 2 dan 3. Sebagaimana yang kita maklumi, kostum boria moden pada awal ke-21 sering menjadi pilihan untuk diguna pakai oleh kumpulan-kumpulan boria di Pulau Pinang bertujuan menarik perhatian masyarakat generasi lama dan generasi baharu agar mengikuti dan menonton persembahan boria. Selain itu, pemeliharaan dan pemuliharaan kostum boria harus dilakukan oleh pelbagai pihak seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan para penggiat boria agar tidak disalahgunakan untuk tujuan komersial semata-mata. Menyedari hakikat ini, beberapa keunikan dan identiti yang ada pada kostum boria abad ke-21 dapat memberi apresiasi dalam teater tradisional Malaysia setanding dengan teater-teater yang lain.

PENGHARGAAN

Penulisan ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan melalui geran penyelidikan Jangka Pendek Universiti Sains Malaysia (*short term grant*), 304/PSENI/6315368.

NOTA

- ¹ Tukang karang merupakan seorang penyanyi utama dan berdiri secara solo di barisan paling hadapan tengah.
- ² Istilah kepada penari yang digunakan dalam persembahan boria yang menari sambil bernyanyi.
- ³ Kostum yang beraneka ragam merujuk kepada pakaian setiap orang (komponen boria) adalah berbeza rekaan mengikut kaum, bangsa, pekerjaan, warna dan aksesori dalam satu kumpulan semasa persembahan boria berlangsung.
- ⁴ Keadaan yang sering berubah-ubah yang diolah semula.
- ⁵ Persembahan yang dilakukan pada 1 hingga 10 Muharam iaitu bulan pertama dalam kalendar Islam.

RUJUKAN

- Abdullah Darus. (2005). *Sketsa boria dalam persembahan: Boria dahulu dan sekarang*. Kertas kerja: Simposium Warisan Boria.
- Abu Talib. (2012). *Utara Semenanjung Malaysia: Esei-esei warisan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Cikawati. (2020). *Sastra Indonesia untuk siswa Madrasah Aliyah (Ma)*. Deepublish Publisher. Yogyakarta.
- Ferdhaus, Masitah & Badaruddian. (2014). *Warisan kebudayaan boria dan pelancongan, merekayasa kearifan tempatan: Citra seni dalam teknologi*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Ghouse Nasuruddin. (2000). *Teater Tradisional Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haryamawan, RMA. (1993). *Dramaturgi*. Bandung: Penerbit Rosda Karya.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd. Ghazali Abdullah. (2014). Mak Yong dalam bentuk teater: Meneliti Aspek Pengarahan Anak Raja Gondang oleh Norzizi Zulkifli. *Jurnal Melayu*, 4 2009: 111-125. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Hj. Salleh. (2014). *Bila terkenang zaman dahulu: Pantun Pulau Pinang*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Pravina, Mohd Azam & YM Raja Azuan. (2011). Muzik Tradisional. Topik 5: *Muzik Tradisional Muzik Sinketik*. Pusat Reka Bentuk Pengajaran dan Teknologi Open University Malaysia.
- Rafizal & Azrul Azizi. (2020). Apresiasi boria dalam animasi Upin dan Ipin: Episod boria suka-suka. *Gendang Alam, Jilid 10*.
- Rahmah Bujang. (1987). *Boria a form of Malay theatre*. Singapore: Institute of SE Asian Studies.
- Safian Hussain. (1988). *Glosari istilah kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Subagiyo & Sulistyono. (2013). *Dasar Artistik 1*. Jakarta: Direktorat Pembinaan Sekolah Menengah Kejuruan.
- Syed Akir. (2005). *Gerak tari dalam boria*. Kertas kerja: Simposium warisan boria.
- Widjiningih. (1982). *Desain hiasan busana dan lenan rumah tangga*. Yogyakarta: IKIP Yogyakarta.
- Zamzuriah & Yuszaidy. (2020). Persembahan tradisional Mek Mulung di Malaysia: Perubahan struktur persembahan. *Jurnal Melayu Sedunia*, 3 (1), 100–121.

Temu Bual

- Jibrán. (8 Julai 2020). Tokoh Boria, Ketua Kumpulan Boria Wawasan dan Tukang Karang.
- Omara. (10 Julai 2020). Tokoh Boria, Ketua Kumpulan Boria Omara dan Pelakon 3 Sketsa.
- Syed Akir. (15 Julai 2020). Tokoh Boria, Ketua Kumpulan Boria Kombinasi dan Tukang Karang.

